



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR  
KALI KE 80 BIL 6/2023**

**PENGESAHAN PELAJAR PRASISWAZAH TINGGAL DI RESIDEN PELAJAR BAGI  
SEMESTER 2 SESI 2022/2023**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,


1. Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas. Jabatan Bendahari UMP akan menjana inbois bagi yuran asrama Sem II 2022/2023 pada 15 Februari 2023. Sehubungan dengan itu semua **PELAJAR PRASISWAZAH** yang sedang menginap di Residen Pelajar perlu mematuhi prosedur ini:

<p><b>Pelajar Yang WAJIB Kekal Tinggal di Residen Pelajar pada Sem II Sesi 2022/2023</b></p> <p><b>(KATEGORI A)</b></p>	<p><b>Pelajar Yang Dibenarkan Membuat Daftar Keluar Pada Sem II Sesi 2022/2023</b></p> <p><b>(KATEGORI B)</b></p>
<p>1. Berikut adalah kategori pelajar yang WAJIB tinggal di Residen Pelajar pada Semester 2 Sesi 2022/2023:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 (Pelajar perlu mendapatkan kelulusan dari Pengarah Perkhidmatan Pelajar melalui <b>Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar – (Student Residence Attestation System)</b></li> <li>ii. Pelajar Laluan Khas (Badan Uniform, Ulul Albab, Dwi Ijazah, PEKA, MPP dan lain-lain kecuali bagi pelajar yang termasuk dalam <b>Kategori B)</b></li> </ol>	<p>1. Berikut adalah kategori pelajar yang dibenarkan untuk membuat proses daftar keluar (check out):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar yang akan bergraduasi</li> <li>ii. Pelajar yang akan menjalani Latihan Industri</li> <li>iii. Pelajar yang mengikuti program pertukaran pelajar</li> <li>iv. Pelajar yang menangguhkan pengajian/menarik diri dari UMP.</li> </ol> <p>2. Pelajar WAJIB melengkapkan <b>Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar</b> selewat-lewatnya pada <b>12 Februari</b></p>

<p>2. Pelajar yang Wajib tinggal di Residen Pelajar dan lain-lain pelajar masih mahu menginap di Residen Pelajar pada Semester 2 perlu melengkapkan <b>Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar</b> selewat-lewatnya pada <b>12 Februari 2023</b> melalui E-community&gt; <b>Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar</b> (<i>Student Residence Attestation System</i>)</p>	<p><b>2023</b> melalui E-community&gt;<b>Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar</b> (<i>Student Residence Attestation System</i>)</p>
<p>Untuk makluman, Jabatan Bendahari UMP akan melaksanakan <b>Polisi Yuran Asrama Tanpa Pulangan (No Refund Policy)</b> bermula pada semester hadapan. Oleh itu, pelajar yang telah melengkapkan prosedur ini dianggap telah <b>BERSETUJU</b> untuk dikenakan yuran asrama pada semester hadapan <b>tanpa pemulangan.</b></p>	<p>3. Pelajar perlu membuat Daftar keluar (check out) selewat-lewatnya pada <b>22 Februari 2023</b> melalui E-community:  <i>E-community&gt;Hostel Check out&gt;cetak borang check out&gt;hantar kunci dan borang check out beserta video keadaan bilik.</i></p>

2. Pelajar pra-siswazah yang menginap di RP boleh membuat pengesahan melalui E-community bermula pada **1 – 12 Februari 2023.**
3. **Pelajar yang tidak melengkapkan sebarang proses di atas, dianggap BERSETUJU untuk menginap di residen pelajar dan akan dikenakan yuran asrama pada semester hadapan tanpa sebarang pulangan.**
4. Pelajar dialu-alukan hadir ke Pejabat Residen Pelajar atau emelkan sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas ke [residen@ump.edu.my](mailto:residen@ump.edu.my) .
5. Untuk pertanyaan *No Refund Policy*, pelajar boleh emelkan kepada Jabatan Bendahari di [collection1@ump.edu.my](mailto:collection1@ump.edu.my)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
‘Teknologi Untuk Masyarakat’



**MOHD RAIZALHILMY B. MOHD.RAIS**

Pengarah  
Perkhidmatan Pelajar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni